

Pupuk budaya benci rasuah sejak sekolah

Ketika kita meraikan Hari Antirasuah Antarabangsa, persoalan yang harus kita tanya kepada diri sendiri - di mana kita berada dalam indeks persepsi rasuah (CPI) kebangsaan?

Menurut tinjauan terbarunya pada tahun lalu, Malaysia melonjak 10 tempat ke kedudukan 51, peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Namun, tinjauan lain menunjukkan arah aliran bertentangan.

Apa pun yang dilihat dalam tinjauan, yang penting adalah kita tidak boleh leka dalam memerangi rasuah - di mana sahaja ia berlaku, setiap kali ia berlaku dan bagaimanapun ia berlaku.

Sudah tentu, rasuah adalah bencana yang memberi kesan buruk kepada rakyat.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) terus berusaha mengenal pasti dan menghapuskan rasuah. Kewaspadaan berterusan mereka mesti dipuji dan dihargai.

Namun, memerangi rasuah tidak seharusnya menjadi tugas SPRM sahaja. Rakyat juga mempunyai peranan penting dalam perkara ini.

Kita mesti membantu SPRM dengan memberi maklumat sekiranya mengesyaki berlakunya rasuah dalam sektor

awam atau swasta. Kita tidak perlu takut kerana adanya perlindungan diberikan menerusi Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010.

Rakyat prihatin terhadap rasuah secara konsisten menyokong pengukuhan sistem pemantauan sehingga keberkesanan kawalan dan integriti transaksi dapat dinilai dengan berkesan.

Mengenai perkhidmatan awam, pihak berkuasa juga perlu menyebarkan keperluan menanamkan nilai murni dan beretika melalui penubuhan Jawatankuasa Integriti, disertai kepatuhan kepada sumpah pemerintahan yang baik.

Nilai etika dan kepentingan integriti juga harus ditanamkan pada usia muda, bermula pada peringkat sekolah.

Implikasi rasuah serius bagi negara dan memberi kesan negatif terhadap usaha kita mempromosikan integriti. Kita harus menerima hakikat bahawa rasuah di Malaysia sangat dititikberatkan dan kita perlu menangani ancaman ini dalam masyarakat sejak muda lagi.

Subjek baharu mengenai integriti perlulah diperkenalkan atau sekurang-kurangnya memasukkannya ke dalam semua program latihan atau sukatan pelajaran sedia ada untuk pen-

jawat awam, termasuk yang dianjurkan Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN).

Pada masa sama, kerajaan harus memperkenalkan kurikulum baharu di sekolah untuk membolehkan pelajar belajar mengenai kesan negatif rasuah dan mengapa ia tidak dapat diterima.

Ini dapat membantu mengembangkan budaya kejujuran dan kepercayaan serta menjadi cara hidup pemimpin masa depan kita.

Tan Sri Lee Lam Thye,
Pengerusi Ikatan Komuniti Selamat

